

Lawatan PM pererat hubungan kepimpinan baru-Jepun 2000

NAGOYA 6 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memulakan lawatan kerja ke Jepun esok sebagai kesinambungan misi Malaysia menjadikan negara matahari terbit itu rakan paling strategik pada nermulaan alaf baru ini.

Lawatan selama enam hari itu dilihat sebagai komitmen terbaru Malaysia, yang telah pulih sepenuhnya daripada kegawatannya ekonomi, untuk membina landasan hubungan lebih kukuh dan ketika Jepun baru sahaja beralih kepimpinan.

Jepun kini di bawah teraju Perdana Menteri, Yoshiro Mori yang mengambil alih kuasa daripada Keizo Obuchi selepas enam minggu berada dalam keadaan koma kerana serangan angin ahmar sebelum meninggal dunia 14 Mei lalu.

Sempena lawatan itu, Dr. Mahathir akan menyertai para pemimpin dunia menghadiri upacara pengebumian Obuchi di Tokyo Khamis ini.

Kehadiran pada upacara pengebumian itu adalah sebahagian daripada aturcara lawatan Perdana Menteri untuk meninjau beberapa sektor perindustrian dan menyelidikan khususnya pencapaian teknologi terbaru.

Kemuncak lawatan beliau ialah menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei's Ke-6 bertemakan Masa Depan Asia. Jumaat ini.

Penampilan Dr. Mahathir pada persidangan tersebut sememangnya menjadi perhatian pihak penganjur dan para peserta yang terdiri daripada pelbagai sektor strategik.

Dr. Mahathir juga akan mengadakan kunjungan hormat ke atas rakan sejawatannya, Yoshiro Mori.

Inilah pertemuan pertama kedua-dua pemimpin itu sejak Mori menjadi Perdana Menteri. — *Utusan*